

Fatwa Kedua : Zakat Ke Atas Perolehan Professional

Warta Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, 28 Mac 2019, No 218.

Pemberitahuan Fatwa Di Bawah Seksyen 23 Dan 24.

Zakat ke atas Perolehan Professional

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(3) dan 24(4) Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 Jawatankuasa Fatwa dan atas titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Kedah Darul Aman dengan ini menyiarakan fatwa seperti dinyatakan dalam Jadual.

JADUAL

Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada 28 Oktober 2018, inilah diputuskan fatwa untuk diguna pakai di Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut :

1. Perolehan professional bermaksud semua hasil / imbuhan yang diperoleh daripada kepakaran dan sumbangan dalam apa ju bentuk termasuk bayaran perkhidmatan profesional, khidmat konsultansi, komisen, royalti, honorarium, keuntungan bermusim dan lain-lain perolehan yang berhubung kait dengannya.
2. Perolehan professional diwajibkan zakat kerana ia termasuk zakat perniagaan. Oleh itu, penerima perolehan tersebut hendaklah mengeluarkan zakat apabila cukup nisab dengan bertaqlid kepada mazhab Hanafi berdasarkan dalil berikut:

a) Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طِبَّاتِ مَا كَسَبُتُمْ.....

Maksudnya : Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebahagian dari hasil usahamu yang baik-baik.
(Al-Baqarah-ayat-267)

Merujuk ayat di atas, Dr yusuf al-Qaradhawi menegaskan bahawa mana-mana keuntungan yang diperolehi daripada usaha yang baik maka berkewajipan ke atas mereka memberi sedekah daripadanya.

(Fiqhuz Zakah, jilid 2 1969, halaman 511)

- b) Jumhur Ulama' berpandangan bahawa zakat harta boleh dikeluarkan lebih awal daripada waktu yang sepatutnya dengan syarat harta tersebut telah mencukupi nisab berdasarkan firman Allah SWT :

وَأَتُوا حَقَّهُ يَوْمَ حَصَادِهِ

Maksudnya : Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya (Surah al-An'am Ayat : 141)

- c) Menurut Imam ad-Damir, an-Najmu al-Wahhaju fi Syarh al-minhaj, halaman 252:

"تُحِبُّ الزَّكَاةَ عَلَى الْفُورِ إِذَا تَمَكَّنَ وَذَلِكَ بِحُضُورِ الْمَالِ وَلَا صِنَافٍ"

Maksudnya : Diwajibkan mengeluarkan zakat dengan segera apabila cukup nisab dan wujud hasil dan asnaf pada masa yang sama.

3. Oleh itu, mana-mana orang Islam yang mencukupi syarat-syaratnya adalah berkewajipan mengeluarkan zakat ke atas perolehan profesional berdasarkan kepada pendapatan kasar setahun. Kadar zakat yang dikenakan adalah sebanyak 2.5% daripada jumlah keseluruhan perolehan tersebut.

Bertarikh : (JMNK(F)603 Jld.2(56): PUN(KD) 600-1/5/3)

DATO' SYEIKH FADZIL B. H.J. AWANG, DSDK., AMK., BCK.

Muftí Negeri Kedah Darul Aman.